

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK (BALIK PULAU)**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta  
**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) bilangan terkini peserta Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H)  
setelah diperkenalkan syarat baharu; dan

(b) berapa anggaran kerugian sebaik sahaja syarat kelayakan program  
MM2H diperkenalkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) akan diaktifkan semula dijangka mulai Oktober 2021 setelah semua proses berkaitan perundangan selesai. Justeru, Kementerian Dalam Negeri belum mempunyai rekod atau statistik terkini peserta Program MM2H setelah diperkenalkan syarat baharu yang dapat diberikan buat masa ini.

Program MM2H adalah disasarkan kepada golongan pesara dan berpendapatan tinggi yang berhasrat untuk tinggal di Malaysia bagi tempoh masa yang panjang dan hendak berbelanja di Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan yakin tidak akan timbul isu kehilangan pendapatan atau kerugian yang disebabkan dengan penambahbaikan syarat-syarat penyertaan Program MM2H. Sebaliknya, Kerajaan melihat ke hadapan dan optimistik dengan inisiatif penambahbaikan syarat-syarat kelayakan akan menjana kesan berganda yang positif kepada ekonomi negara terutamanya kepada sektor hartanah, pendidikan, kesihatan, pelancongan perubatan melalui perbelanjaan domestik oleh peserta MM2H yang berkualiti tinggi dan *genuine*.